

Pembunuhan Khalil Al Wazir

# Jenayah Israel yang dirancang — PM

KODIANG 23 April — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini secara terbuka mengecam Israel atas pembunuhan Timbalan Pemerintah Pejuang Palestin, Khalil Al Wazir (Abu Jihad) di Tunisia minggu lalu sebagai perbuatan jenayah yang dirancang.

Beliau menyifatkan pembunuhan pahlawan Palestin yang ditembak mati oleh tentera Israel itu bukan dirancang oleh kumpulan penjenayah tetapi dilakukan oleh kerajaan Israel dan mungkin dibantu oleh rakan-rakannya.

"Tidak pernah sebuah kerajaan di dunia merancang melakukan perbuatan jenayah," ujar Perdana Menteri ketika berucap di majlis Nuzul Al-Quran di Masjid Kandis dekat sini malam ini.

Dr. Mahathir juga menerangkan terdapat setengah - setengah negara yang tidak mahu mengadakan hubungan dan berdialog dengan PLO kononnya kerana mereka dianggap sebagai kumpulan penganas tetapi sebaliknya sanggup mengadakan hubungan dengan sebuah negara yang terang - terang melakukan keganasan.

Sebelum itu Datuk Sri Dr. Mahathir dan isterinya Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah telah berpuasa bersama - sama kira - kira 1,000 orang di pekarangan masjid itu.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Yusof Noor, Menteri Besar Kedah Datuk Sri Haji Osman Aroff, Menteri Besar Perlis Dr. Abdul Hamid Pawanteh

Oleh Mat Piah Teh Deris

serta ahli - ahli Exco kerajaan negeri.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyebut berbagai peristiwa menarik berlaku di dunia Islam tahun ini termasuk peristiwa merampas kapal terbang dan berbagai penekanan yang dilakukan oleh tentera Israel terhadap orang - orang yang telah hidup tidak menentu sejak 30 tahun lalu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri bersyukur kerana ramai umat Islam telah sedar tentang penderitaan rakyat Palestin sekarang dengan mengumpulkan wang untuk dihantar ke sana bagi membeli ubat dan sebagainya.

Katanya, rakyat Malaysia sendiri hendaklah bersyukur kerana dapat hidup dan beribadat dalam

keadaan aman dan selesa.

Menyentuh tentang ajaran Islam, beliau berpendapat bahawa umat Islam kini sebenarnya tidak kuat berpegang pada ajaran Islam yang sebenar.

Katanya, walaupun tidak dapat dinafikan perbezaan pendapat sesama kita tetapi apa yang perlu perbezaan itu dapat diselesaikan dengan aman dan kekal bersaudara dengan mengurangkan salah faham sesama sendiri.

Perdana Menteri mahu perkara - perkara titik bengkak yang merenggangkan perpaduan Islam di negara ini perlu dielakkan kerana Malaysia menjadi tumpuan negara - negara lain khususnya negara - negara bukan Islam.